



Ruj. Kami: KP(BTP-PENT)S/8800/50/25-10 **Jl. 2 (1)**
Tarikh: **22**Ogos 2014/ **26**Syawal 1435H

Semua Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PROJEK PERKHIDMATAN 1BESTARINET- GARIS PANDUAN PENUKARAN KATA LALUAN YES DONGLE ID

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sepertimana YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan sedia maklum, sekolah-sekolah telah dibekalkan YES Dongle ID untuk membolehkan guru-guru mengakses internet dan VLE di persekitaran kawasan sekolah di bawah Projek Perkhidmatan 1BestariNet .

3. Sehubungan itu, bagi memastikan keselamatan penggunaan YES Dongle ID, maka satu garis panduan penukaran kata laluan YES Dongle ID telah diwujudkan. Dipohon kerjasama pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan memaklumkan kandungan surat ini kepada Pentadbir Frog VLE sekolah melalui Pengetua/Guru Besar sekolah di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan.

4. Bersama-sama ini disertakan Garis Panduan Penukaran Kata Laluan YES Dongle ID untuk rujukan dan tindakan pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai perkara ini, pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan boleh menghubungi **Meja Bantuan 1BestariNet di talian 018-7998787** atau emel kepada **moesupport@ytlcomms.my**.

Kerjasama pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dalam menjayakan pelaksanaan Projek Perkhidmatan 1BestariNet adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(DR. SOON SENG THAH)

Timbalan Pengarah
Pembangunan Teknologi Pendidikan
b.p. Pengarah
Bahagian Teknologi Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.:

1. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
2. Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Pelajaran)
Kementerian Pendidikan Malaysia
3. Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)
Kementerian Pendidikan Malaysia
4. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia
5. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
(Operasi Pendidikan)
Kementerian Pendidikan Malaysia
6. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
(Dasar dan Pembangunan Pendidikan)
Kementerian Pendidikan Malaysia
7. Ketua Pegawai Eksekutif
Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU)
Kementerian Pendidikan Malaysia
8. Setiausaha Bahagian
Bahagian Perolehan dan Pengurusan Aset
9. Semua Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri

Garis Panduan Penukaran Kata Laluan Dongle ID


1. Gambaran Menyeluruh

Garis panduan ini memperincikan proses untuk menetapkan semula Kata Laluan ID dongle yang digunakan oleh guru-guru sekolah-sekolah di mana dongle telah diedarkan.

Sebelum proses yang digambarkan dalam dokumen ini, aktiviti satu-masa penukaran kata laluan bulk akan dijalankan untuk dongle yang telah diedarkan kepada sekolah-sekolah. Aktiviti perubahan kata laluan satu masa akan dijalankan pada tarikh yang diluluskan dan disediakan oleh KPM. Setelah tamat aktiviti perubahan kata laluan satu masa ini, e-mel dengan kata laluan baru akan dihantar kepada semua sekolah di mana dongle telah diedarkan.

Kata laluan ID dongle boleh diubah oleh Pentadbir VLE sekolah dalam *Virtual Learning Environment (VLE)* di bawah *RESOURCE MANAGER*, di mana *USER APP* boleh dijumpai.

Gambarajah di bawah menunjukkan gambaran *high level* aliran proses ini.



Rajah 1

2. Langkah Proses untuk Pentadbir VLE

Untuk menukar kata laluan dongle, anda perlu menavigasi ke *Resource Manager* dari papan pemuka anda dengan mengklik ikon **Resource Manager** di *Frog Bar* di bahagian atas skrin anda.



	<p>Dalam tettingkap Resource Manager, klik kepada Applications.</p>
	<p>Sekarang klik dua kali pada ikon aplikasi Users.</p>
	<p>Klik pada tab Users untuk mengakses skrin Tukar Kata Laluan.</p>

- Masukkan / pilih maklumat yang berikut:
- Choose option = **Reset Password**
 - User Type = **Dongle**
 - Username / I.C Number = **username code@moe.yes.my**
 - New Password = *******
(recommended alphanumeric and special characters)

Klik butang **Verify** untuk sahkan Nama pengguna / Nombor Kad Pengenalan.

Nota: Butang **Save** tidak akan diaktifkan sehingga anda klik pada butang **Verify**.


Semak semula maklumat yang dimasukkan atau dipilih.

Klik butang **Save**.

Setelah langkah di atas selesai, sistem akan menjana dan menghantar e-mel yang memaklumkan perubahan kata laluan kepada penerima berikut:

- School email ID = **school code@1bestarinet.yes.my**
- School VLE administrator ID = **vleadadmin.schoolcode@yes.my**

Sila rujuk kepada sampel *template* e-mel di bawah:



Seterusnya, **Pentadbir Frog Sekolah** perlu memaklumkan kepada guru-guru sekolah berkenaan kata laluan baharu untuk Dongle ID dan tujuan penukaran kata laluan adalah untuk memastikan keselamatan penggunaan Dongle ID.

3. Meja Bantuan 1BestariNet

Sekiranya Pentadbir Frog Sekolah menghadapi masalah penukaran kata laluan Dongle ID, sila hubungi Meja Bantuan 1BestariNet di talian **018-7998787** atau emel ke moesupport@yticomms.my.